

**PROSES DAN KESAN PENYAMPAIAN MESEJ KESIHATAN OLEH AHLI KELAB
DOKTOR MUDA TERHADAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN
KESIHATAN RAKAN SEBAYA**

Nur Farhana H.¹, Noorlaile J.¹, Abu Bakar R.¹, Kamarul Zaman S.¹, Norharyati S.¹, Suraiya S.M.², Normawati A.¹

1. Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, KKM
2. Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Pengenalan: Kelab Doktor Muda (KDM) adalah program berasaskan sekolah yang ditubuhkan untuk mencapai status kesihatan yang lebih baik dalam kalangan kanak-kanak sekolah. Doktor Muda (DM) adalah sekumpulan kanak-kanak sekolah terlatih yang memenuhi kriteria sebagai pendidik rakan sebaya untuk memperkasakan rakan sebaya mereka bagi mengamalkan amalan kesihatan yang sihat.

Objektif: Untuk mengenal pasti keberkesanan DM sebagai pendidik rakan sebaya.

Kaedah kajian: Kajian keratan rentas telah dijalankan di Sekolah Doktor Muda (SDM) dari Mac 2016 hingga Mac 2017. Pemilihan sampel adalah secara pensampelan bertujuan meliputi pemilihan sekolah dari 14 SDM yang terpilih dan melibatkan 136 orang rakan sebaya. Kaedah temubual FGD dengan menggunakan soalan separa struktur telah digunakan bagi pengumpulan data. Sesi temubual dijalankan dalam Bahasa Melayu dan mengambil masa 60 hingga 90 minit. Sesi temubual dikendalikan oleh seorang moderator dengan bantuan pencatat nota dan perakam audio. Pembentukan soalan FGD menggunakan soalan semi struktur yang dibentuk dari hasil kajian rintis di Sekolah Kebangsaan Gombak Setia, Selangor. Dalam kajian ini, analisis data sesi temubual FGD ditranskripsi secara verbatim daripada rakaman audio. Seterusnya melabel data mengikut tema utama dan subtema yang melibatkan indeks keseluruhan data set menggunakan koding dengan segmentasi data kepada bahagian yang lebih kecil untuk analisis.

Keputusan: Kajian ini mendapati kepelbagaian dalam proses penyampaian pendidikan rakan sebaya seperti penggunaan risalah, poster, model, video dan gambar sebagai alat bantu mengajar mampu menarik minat rakan sebaya. Kaedah penyampaian mesej secara sehalu seperti ceramah, topik yang berulang-ulang dan terlalu panjang menimbulkan kebosanan. Kesan penyampaian mesej oleh ahli KDM dilihat mampu mengubah sikap rakan sebaya bagi mengamalkan amalan kesihatan seperti yang disarankan.

Kesimpulan: Garis panduan pengajaran penyampaian mesej perlu dilaksanakan secara berfasa mengikut metod pengajaran, isu, tahap pengetahuan dan umur rakan sebaya.